

## Kawalan Sosial Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak Dalam Penglibatan Pornografi

### *Parents' Social Control Over Children in Pornography*

Siti Mapuzah Mohammed Ali  
<sup>1</sup>Azlina Abdullah

Program Antropologi & Sosiologi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Nama Koresponden: <sup>1</sup>azlina\_ab@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Artikel ini membincangkan tentang peranan ibu bapa sebagai agen kawalan sosial terhadap penglibatan anak-anak dalam pornografi. Ibu bapa sememangnya merupakan agen kawalan sosial yang penting untuk menjalankan sosialisasi kepada anak-anak untuk mengajarkan nilai dan norma. Objektif kajian ini ialah (i) Mengenalpasti tahap pengetahuan ibu bapa mengenai penglibatan anak-anak dalam pornografi, dan (ii) Mengenalpasti bentuk kawalan sosial informal yang digunakan oleh ibu bapa dalam mengawal penglibatan pornografi anak-anak. Kajian dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan mengedarkan soal selidik kepada 120 orang responden iaitu ibu bapa yang mempunyai anak bersekolah menengah di Kampung Pendamar, Klang, Selangor. Sampel kajian dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Data survei yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan analisis statistik inferensi menggunakan perisian SPSS. Hasil kajian mendapati ibu bapa mempunyai tahap pengetahuan yang rendah mengenai penglibatan anak-anak dalam pornografi dari aspek masa dan kekerapan anak menonton pornografi, namun pengetahuan ibu bapa tinggi dari aspek umum dan impak pornografi kepada anak-anak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ibu bapa lebih menggunakan pendekatan kawalan sosial informal iaitu hukuman (bentuk negatif) iaitu memukul dan pujukan (bentuk tidak langsung) iaitu menasihati dalam mengawal penglibatan anak-anak daripada pornografi. Kesimpulannya, ibu bapa perlu meningkatkan pengetahuan tentang penglibatan anak-anak dalam pornografi dan mempelbagaikan jenis kawalan sosial informal.*

**Kata kunci:** kawalan sosial, kawalan sosial informal, pornografi, ibu bapa, anak-anak

### ABSTRACT

*This article discusses the role of parents as agents of social control over children's involvement in pornography. Parents are indeed important social control agents for conducting socialization to children to teach values and norms. The objectives of this study are (i) To identify the level of knowledge of parents about children's involvement in pornography, and (ii) To identify the forms of informal social control used by parents in controlling children's involvement in pornography. The study was conducted using a quantitative approach by distributing questionnaires to 120 respondents, namely parents with secondary school children in Kampung Pendamar, Klang, Selangor. The study*

*sample was selected using purposive sampling method. The survey data obtained were analyzed descriptively and inferential statistical analysis using SPSS software. The results found that parents have a low level of knowledge about children's involvement in pornography especially from the aspect of time and frequency of children watching pornography, but parental knowledge is high from the general aspect and impact of pornography on children.. Findings show that parents use more informal social control approach that is punishment (negative form) which is beating and persuasion (indirect form) which is advising in controlling.*

**Keywords:** *social control, informal social control, pornography, parents, childrens*

## 1. Pengenalan

Pornografi adalah suatu masalah sosial yang bersifat global dan berlaku di setiap pelusuk negara di dunia. Pornografi tidak hanya melibatkan golongan dewasa semata-mata, namun penglibatan golongan bawah umur seperti remaja dan kanak-kanak juga makin meningkat. Malah, tidak ada diskriminasi gender dalam penglibatan pornografi. Bukan hanya lelaki sahaja yang menonton dan terlibat dalam pornografi, malah wanita dan golongan *transgender* juga terlibat dalam pornografi. Statistik yang dikeluarkan oleh sebuah laman web pornografi iaitu Pornhub pada tahun 2020 menunjukkan bahawa terdapat peningkatan kenaikan trafik semasa kebanyakan negara mengisytiharkan perintah berkurung (*lockdown*) semasa pandemik berlaku. Statistik tersebut menunjukkan bahawa trafik di seluruh dunia melonjak sehingga 11.6% pada 17 Mac 2020 daripada hanya 6.5% pada sebelum itu. Kepesatan globalisasi dan wujudnya dunia tanpa sempadan menyebabkan akses kepada pornografi lebih meluas dan mudah dicapai. Galih (2017) menyatakan perkembangan teknologi moden seperti kemudahan mengakses internet secara tanpa sempadan menyebabkan remaja mudah mengakses hiburan pornografi di laman-laman web pornografi ataupun media sosial.

Pornografi juga berlaku di negara Malaysia dan keadaan ini semakin membimbangkan. Kajian yang dilakukan oleh Malaysian Against Pornography (MAP) pada tahun 2018 mendedahkan data yang membimbangkan apabila anggaran 80% kanakkanak berusia antara 10 hingga 17 tahun telah menonton pornografi secara sengaja. Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia (MCMC) sejak tahun 2018 hingga 2019 telahpun berjaya menyekat 2921 laman sesawang yang mengandungi unsur pornografi. Pada tahun 2020, laman web pornografi iaitu Pornhub telahpun mengeluarkan statistik negara-negara yang popular dalam mengakses laman web mereka ketika pandemik Covid-19 berlaku. Statistik yang dikeluarkan sangat mengejutkan apabila Malaysia menduduki tangga keempat selepas Ireland dengan peningkatan carian sebanyak 84%. Ini menunjukkan Malaysia adalah negara pertama di Asia yang berada pada tahap yang tinggi.

Kerajaan memainkan peranan yang penting untuk membanteras permasalahan pendedahan kepadapornografi khususnya kepada golongan remaja. Kawalan sosial yang formal perlu diambil oleh kerajaan dan badan-badan kawalan sosial yang lain seperti polis. Banyak langkah-langkah yang telah

diambil oleh pihak-pihak berautoriti seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Kesalahan pemberian kandungan jelic seperti pornografi boleh dida kwa di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) di bawah seksyen 211 (Larangan Terhadap Pemberian Kandungan Jelic). Selain itu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian dan lain-lain bagi membuat, mewujudkan, meminta-minta, dan memulakan penghantaran kandungan yang lucah, sumbang, palsu, mengancam dan jelic sifatnya dengan niat menyakitkan hati, menganiayai, menguut atau mengganggu orang lain boleh didakwa di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1988 (Seksyen 233). Kedua-duanya kesalahan boleh didenda sebanyak RM50,000 atau penjara selama satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Namun, agen kawalan sosial yang paling berkesan dalam membantu mengawal tindakan remaja adalah ibu bapa. Sosialisasi yang diberikan oleh ibu bapa seharusnya menerapkan nilai dan norma yang baik dalam kehidupan. Namun, tingkah laku delinkuens dan jenayah mungkin sahaja akan berlaku termasuklah menonton pornografi. Maka, kawalan sosial tidak formal oleh ibu bapa amat penting bagi membantu mereka untuk tidak melanggar niai, etika dan norma kehidupan. Kajian oleh Zakiyah (2010) menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif di antara kawalan bapa dengan tingkah laku delinkuens remaja ( $p < 0.05$ ). Ini bermakna semakin kuat kawalan oleh bapa, maka semakin kurang anak-anak melakukan tingkah laku delinkuens.

Maka kajian ini dijalankan bagi menjawab beberapa persoalan iaitu sejauhmanakah tahap pengetahuan ibu bapa terhadap penglibatan anak-anak mereka dalam pornografi dan apakah bentuk-bentuk kawalan sosial tidak formal yang dilakukan oleh ibu bapa dalam mengawal tingkah laku delinkuens anak-anak iaitu dari konteks penglibatan pornografi.

## **2. Sorotan Karya**

### ***2.1 Kajian Lepas Mengenai Pornografi Dalam Kalangan Remaja***

Menurut kajian oleh Galih Haidar & Nurliana Cipta Apsari pada tahun 2020 yang bertajuk Pornografi Dalam Kalangan Remaja telah memfokuskan tentang faktor keterlibatan remaja dalam menonton pornografi serta kesan kecanduan akibat menonton pornografi. Kajian ini telah menggunakan kaedah kepustakaan dimana pengkaji telah menggunakan sumber data-data sekunder seperti dokumentari dan bacaan literatur. Menurut hasil kajian ini, antara faktor dominan penglibatan remaja dalam menonton pornografi adalah kurangnya perhatian dan pendidikan agama oleh keluarga. Menurutnya, orang tua adalah sebaik-baik contoh kepada anak-anak dan tidak patut mengabaikan pendidikan agama dan mengabaikan anak-anak sehingga akhirnya anak-anak mudah menerima hal-hal buruk seperti pornografi.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Romyeni dan Evawani Elysa Lubis pada tahun 2013 yang bertajuk Remaja dan Pornografi: Paparan Pornografi Dan Media Massa Dan Pengaruhnya Terhadap Perilaku Siswa Pada Sekolah Menengah Pertama (SMP) Negeri 25 Kota Pekanbaru ini memfokuskan

jenis-jenis saluran yang digunakan oleh remaja dalam menonton pornografi dan kesan- kesan menonton pornografi terhadap perilaku remaja. Hasil kajian menunjukkan bahawa daripada sebelas saluran yang telah disenaraikan iaitu majalah, surat khabar, tabloid, komik, foto atau gambar, novel, televisyen, radio, VCD atau DVD, permainan atas talian, internet dan telefon pintar. Diantara dua belas saluran ini, hasil kajian menunjukkan skor tertinggi menunjukkan kepada remaja terdedah dengan pornografi yang ditunjukkan melalui foto dan gambar iaitu dengan peratusan sebanyak 41%. Diikuti dengan paparan pornografi di majalah (40%) dan televisyen, VCD/DVD, komik (38%).

## **2.2 Peranan Ibu Bapa Melakukan Kawalan Sosial Kepada Anak-Anak**

Seterusnya kajian oleh Prof Madya Dr Che Hazniza Che Noh pada tahun 2021 yang bertajuk Impak Pengetahuan Dan Kesedaran Ibu Bapa Terhadap Gaya Hidup Digital Dalam Kalangan Remaja. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menemubual 13 responden yang terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anakanak yang berumur daripada 10 hingga 17 tahun. 11 soalah berstruktur telah ditanyakan kepada semua informen. Kajian ini menyentuh tentang peraturan yang dikenakan kepada anak-anak dalam menggunakan internet, etika yang perlu dipatuhi dalam menggunakan media sosial, pemahaman ibu bapa terhadap jenayah komputer, kesan dan cara mengawal keselamatan internet. Menurut hasil kajian, ibu bapa mengenakan peraturan dari segi penggunaan internet dengan menyekat anak dalam melihat pornografi pada bila-bila masa, menyekat anak melihat gambar seks serta gambar-gambar lucah. Ibu bapa juga dilihat akan menyekat jaringan internet yang berunsurkan lucah dan menghadkan penggunaan internet terlalu lama. Hasil kajian juga merungkaikan bahawa ibu bapa memahami bahawa pornografi adalah salah satu jenayah komputer. Berdasarkan kajian ini, antara kesan penggunaan media sosial yang dapat dikenalpasti oleh ibu bapa terhadap anak-anaknya adalah tekanan perasaan, ketagihan seks dan akhirnya merenggangkan hubungan kekeluargaan serta mengurangkan keinginan untuk bersosial dengan keluarga.

Ikatan dan Kawalan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Delinkuens adalah kajian yang dibuat oleh Zakiyah Jamaluddin dan Ismail Kiprawi pada tahun . Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu mengedarkan soal selidik ke atas 80 orang remaja berusia 13-18 tahun di Pusat Khidmat Kebajikan Juvana, Alor Setar, Kedah. Hasil kajian ini menyatakan bahawa semakin kuat ikatan ibu bapa seperti kasih sayang, memahami, mengambil berat tentang pelajaran di sekolah dan sentiasa berbincang dengan anak-anak, maka semakin kurang anak-anak akan melakukan tingkah laku delinkuens. Bukan itu sahaja, hasil menunjukkan terdapat hubungan positif di antara kawalan ibu dengan tingkah laku delinkuens remaja ( $p < 0.05$ ). Ini bermakna semakin kuat kawalan ibu maka semakin berpotensi anak-anak melakukan tingkah dilenkuens. Manakala terdapat hubungan negatif di antara kawalan bapa dengan tingkah laku delinkuens remaja ( $p < 0.05$ ). Ini bermakna semakin kuat kawalan oleh bapa, maka semakin kurang anakanak melakukan tingkah laku delinkuens.

### **3. Metodologi Kajian**

#### **3.1 Kaedah Mengumpul Data**

Data dikumpul dengan menggunakan kedua-dua data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer dikumpulkan melalui survei iaitu borang soal selidik secara atas talian melalui *google form*. Pengkaji turut menggunakan bahan sekunder seperti kajian kepustakaan bagi mendapatkan informasi berkenaan kajian yang dijalankan. Di dalam kajian ini, data primer dikumpul dengan menggunakan instrumen kajian iaitu soal selidik kepada responden terpilih iaitu ibu bapa yang mempunyai anak berumur 13 hingga 17 tahun (anak yang bersekolah menengah) di Kampung Pendamar, Klang, Selangor. Soal selidik ini akan diedarkan kepada 120 orang responden.

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan secara kuantitatif. Pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data melalui survei iaitu merangka soal selidik dengan format instrumen yang sistematik, arahan yang jelas dan menjawab kepada objektif kajian pengkaji. Soal selidik ini adalah bentuk soalan tertutup iaitu mempunyai sebanyak 35 soalan. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu Bahagian A, B, dan C. Setiap bahagian mempunyai keperluan yang berbeza untuk mencapai objektif kajian. Bahagian A merujuk kepada bahagian demografi responden ibu bapa di Kampung Pendamar, Klang, Selangor. Bahagian B adalah berkaitan dengan pengetahuan ibu bapa mengenai penglibatan pornografi anak-anak mereka. Bahagian seterusnya adalah bahagian C. Bahagian C merujuk kepada soalan-soalan berkaitan bentuk kawalan sosial tidak formal yang digunakan oleh mereka terhadap penyimpangan tingkah laku dan penglibatan anak-anak terhadap pornografi. Ujian rintis dijalankan kepada 30 orang ibu bapa daripada kawasan perumahan pengkaji iaitu Kampung Idaman, Klang, Selangor iaitu kampung bersebelahan Kampung Pendamar bagi memastikan instrumen kajian pengkaji iaitu soal selidik yang dibuat boleh mendapatkan hasil dapatan kajian yang baik dan tepat.

#### **3.2 Kaedah Pemilihan Responden**

Pensampelan memberi peluang kepada penyelidik untuk membuat kajian yang lebih terperinci terhadap subjek kajiannya. Saiz sampel haruslah lebih kecil daripada saiz populasinya. Disebabkan saiz sampel yang kecil, maka pengkaji dapat mendalami dan meneliti dengan lebih jelas dengan bertanyakan soalan secara terperinci kepada sampel kajian. Populasi kajian ini adalah berfokus kepada ibu bapa yang mempunyai anak yang bersekolah menengah (13 tahun hingga 17 tahun) di Kampung Pendamar, Klang, Selangor. Majoriti keluarga di Kampung Pendamar adalah berbangsa Melayu. Menurut ketua kampung bagi Kampung Pendamar, Klang, Selangor iaitu Mohd Shah bin Haron, anggaran mereka yang berstatus ibu dan bapa di kampung ini adalah sebanyak 350 hingga 400 orang atau lebih kurang 200 pasangan suami isteri. Disebabkan tiada data yang khusus mengenai bilangan penduduk yang telah berkahwin dan

mempunyai anak lingkungan seperti pengkaji tetapkan, maka populasi dan sampel kajian ini tidak berunsurkan kebarangkalian (*non-probability sampling*). Kajian ini lebih sesuai menggunakan sampel kajian yang bertujuan ataupun *purposive sampling* kerana sampel yang diperlukan adalah berdasarkan ciri-ciri yang telah ditetapkan. Maka dengan itu, pengkaji akan membuat kajian terhadap 120 orang responden.

### 3.3 Kaedah Memproses dan Menganalisis Data

Soal selidik yang telah diedarkan dan dijawab oleh responden akan dianalisis oleh pengkaji menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS). Pengkaji akan menggunakan perisian SPSS dengan memasukkan data-data kemudian membuat analisis. Perisian analisis membantu hasil kajian disusun dan dianalisis dengan tepat. Data-data yang diperolehi dianalisis oleh pengkaji menggunakan analisis deskriptif. Pengkaji akan membuat *compute mean* dan *compute* nilai.

## 4. Analisis dan Perbincangan

### 4.1 Profil Responden

Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah sebanyak 120 orang dimana ia terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak bersekolah menengah yang tinggal di Kampung Pendamar, Klang, Selangor. Berdasarkan Jadual 1, didapati 66.7% responden adalah perempuan dan hanya 33.3% responden lelaki. Seterusnya, majoriti responden (48.3%) adalah berumur 36 Tahun – 40 Tahun. Seterusnya, majoriti penuh iaitu 75% adalah mereka yang berstatus perkahwinan berkahwin. Hasil analisis mendapati 44.17% ibu bapa di kawasan ini bekerja sendiri di kawasan Kampung. Akhirnya, hasil kajian mendapati bahawa majoriti ibu bapa berada di tahap pendidikan yang rendah iaitu PMR/SRP (44.17%).

JADUAL 1: Demografi Responden

Pemboleh Ubah	Kekerapan (orang)	Peratus (%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	40	33.3
Perempuan	80	66.7
Jumlah (N)	<b>120</b>	<b>100</b>
<b>Umur</b>		
30 Tahun – 35 Tahun	40	33.3
36 Tahun - 40 Tahun	58	48.3
41 Tahun – 45 Tahun	12	10
46 Tahun – 50 Tahun	10	8.3
51 Tahun ke atas	0	0
Jumlah (N)	<b>120</b>	<b>100</b>
<b>Status Perkahwinan</b>		
Berkahwin	90	75
Bapa Tunggal	22	18.3
Ibu Tunggal	5	4.17
Balu/ Duda	3	2.5
Jumlah (N)	<b>120</b>	<b>100</b>

<b>Jenis Pekerjaan</b>		
Kerajaan	27	22.5
Swasta	8	6.67
Bekerja Sendiri	53	44.17
Tidak Bekerja/ Pesara	32	26.67
Jumlah (N)	<b>120</b>	<b>100</b>
<b>Tahap Pendidikan</b>		
Tidak Bersekolah	6	5
SRP/PMR	53	44.17
SPM	19	15.83
STPM	21	17.5
Diploma/ Ijazah dan Setara	21	17.5
Jumlah (N)	<b>120</b>	<b>100</b>

Sumber: Kajian Lapangan 2022

#### **4.2 Pengetahuan Ibu Bapa Mengenai Penglibatan Anak-anak Dalam Pornografi**

Berdasarkan jadual 2, keputusan kutipan kajian menunjukkan bahawa majoriti bersetuju bahawa anak mereka terlibat dalam pornografi. Sebanyak 66.67% ibu bapa bersetuju dan tahu bahawa anak mereka terlibat dalam pornografi. Selain itu, 33.33% juga memilih setuju sebagai tanda mengetahui bahawa anak-anak terlibat dalam menonton pornografi. Hasil kajian menunjukkan, ibu bapa mengetahui secara umum bahawa anak mereka mungkin terlibat dalam menonton pornografi.

JADUAL 2: Aspek Pengetahuan Umum

<b>Saya Mengetahui Anak Saya Mungkin Terlibat Dalam Menonton Pornografi</b>		
<b>Skala</b>	<b>Kekurangan (Orang)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	0	0
Tidak Pasti	0	0
Setuju	40	33.33
Sangat Setuju	80	66.67
Jumlah (N)	120	100

Sumber: Kajian Lapangan, 2022.

Jadual 3 membincangkan perihal pengetahuan ibu bapa mengenai punca penglibatan anak-anak dalam pornografi iaitu melalui media sosial seperti Twitter dan Telegram. Hasil kajian mendapati bahawa 54.17% ibu bapa sangat setuju bahawa anak-anak mereka terdedah dengan pornografi melalui media sosial seperti Twitter dan Telegram. Tiada ibu bapa yang tidak bersetuju, sangat tidak setuju mahupun tidak pasti terhadap kenyataan ini. Ini menunjukkan keseluruhan ibu bapa tidak menidakkan bahawa anak-anak mereka terlibat dengan pornografi melalui media sosial seperti Twitter dan Telegram. Pernyataan seterusnya menunjukkan faktor penglibatan anak-anak dalam pornografi adalah pengaruh rakan sebaya. Hasil kutipan data menunjukkan bahawa ibu bapa sangat mengetahui bahawa anak mereka terlibat dengan pornografi disebabkan pengaruh rakan sebaya. Ini apabila data menunjukkan sebanyak 51.67% ibu bapa yang sangat bersetuju dan 48.33% yang bersetuju dengan pernyataan di atas. Hasil data juga menunjukkan tiada ibu bapa yang menidakkan atau tidak pasti

dengan kenyataan ini kerana dapatan untuk ketiga-tiga respon adalah 0%.

JADUAL 3: Pengetahuan Ibu Bapa Dari Aspek Punca Penglibatan

<b>Anak Saya Terdedah Dengan Pornografi Melalui Media Sosial Seperti Twitter Dan Telegram</b>		
Skala	Kekarapan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	0	0
Tidak Pasti	0	0
Setuju	55	45.83
Sangat Setuju	65	54.17
Jumlah (N)	120	100
<b>Anak Saya Terdedah Dengan Pornografi Disebabkan Pengaruh Rakan Sebaya.</b>		
Skala	Kekarapan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	0	0
Tidak Pasti	0	0
Setuju	58	48.33
Sangat Setuju	62	51.67
Jumlah (N)	120	100

Sumber: Kajian Lapangan, 2022.

Seterusnya, Jadual 4 membincangkan perihal pengetahuan ibu bapa mengenai masa anak-anak menonton pornografi. Hasil kajian mendapati bahawa 48% ibu bapa tidak tahu pada waktu bila anak-anak mereka menonton pornografi. Tiada ibu bapa yang sangat tahu terhadap kenyataan ini. Ini menunjukkan bahawa ibu bapa masih tidak tahu tentang masa anak-anak menonton pornografi.

JADUAL 4: Pengetahuan Ibu Bapa Dari Aspek Masa Anak-Anak Menonton Pornografi

<b>Anak Saya Akan Menonton Pornografi Secara Berseorangan Pada Waktu Tengah Malam Seperti Jam 1 Pagi.</b>		
Skala	Kekarapan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	58	48
Tidak Setuju	25	21
Tidak Pasti	37	31
Setuju	0	0
Sangat Setuju	0	0
Jumlah (N)	120	100

Sumber: Kajian Lapangan, 2022.

Seterusnya, Jadual 5 membincangkan perihal pengetahuan ibu bapa mengenai kekarapan anak-anak menonton pornografi. Hasil kajian mendapati bahawa 40% ibu bapa tidak tahu dengan memilih tidak setuju, sekerap mana anak-anak mereka menonton pornografi. Tiada ibu bapa yang sangat setuju ataupun tahu terhadap kenyataan ini. Ini menunjukkan bahawa ibu bapa masih tidak tahu tentang masa anak-anak menonton pornografi.

JADUAL 5: Pengetahuan Ibu Bapa Dari Aspek Kekarapan Anak-Anak Menonton Pornografi

<b>Saya Mengetahui Anak Saya Menonton Pornografi Sekurang-Kurangnya Seminggu Sekali</b>		
Skala	Kekarapan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	40	33
Tidak Setuju	48	40
Tidak Pasti	32	27



Setuju	0	0
Sangat Setuju	0	0
Jumlah (N)	120	100

Sumber: Kajian Lapangan, 2022.

Pernyataan seterusnya menunjukkan pengetahuan ibu bapa dari aspek impak daripada keterlibatan pornografi. Hasil kutipan data menunjukkan bahawa ibu bapa sangat mengetahui bahawa pornografi boleh mendatangkan kedua-dua jenis impak sama ada impak positif mahupun impak negatif. Bagi pernyataan pertama iaitu *“Pornografi Memberikan Kesan Negatif Seperti Menjejaskan Kesihatan Fizikal Serta Mental Anak Saya.”* Seramai 79% ibu bapa yang sangat mengetahui bahawa pornografi sememangnya memberikan kesan yang negatif kepada anak-anak mereka. Bagi pernyataan ini, tiada ibu bapa yang memilih tidak pasti, tidak tahu mahupun sangat tidak tahu. Seterusnya, bagi pernyataan *“ Pornografi Memberikan Kesan Positif Seperti Sebagai Suatu Pendedahan Pendidikan Seksual Kepada Anak Saya.”*, seramai 80% ibu bapa yang sangat mengetahui bahawa pornografi juga mendatangkan kesan yang positif kepada anak-anak iaitu dari segi pendidikan seksual. Sama seperti kenyataan berikutnya, tiada ibu bapa yang memilih tidak pasti, tidak tahu mahupun sangat tidak tahu.

JADUAL 6: Pengetahuan Ibu Bapa Dari Aspek Impak Anak-Anak Terlibat Dalam Pornografi

<b>Pornografi Memberikan Kesan Negatif Seperti Menjejaskan Kesihatan Fizikal Serta Mental Anak Saya.</b>		
Skala	Kekurangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	0	0
Tidak Pasti	0	0
Setuju	25	21
Sangat Setuju	95	79
Jumlah (N)	120	100
<b>Pornografi Memberikan Kesan Positif Seperti Sebagai Suatu Pendedahan Pendidikan Seksual Kepada Anak Saya.</b>		
Skala	Kekurangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	0	0
Tidak Pasti	0	0
Setuju	24	20
Sangat Setuju	96	80
Jumlah (N)	120	100

Sumber: Kajian Lapangan, 2022.

### ***4.3 Bentuk-Bentuk Kawalan Sosial Tidak Formal Yang Digunakan Oleh Ibu Bapa Dalam Mengawal Anak-Anak Dalam Penglibatan Pornografi***

Kawalan sosial tidak formal seperti yang dikategorisasikan oleh Crosbie 1975 boleh digunapakai oleh ibu bapa dalam mengawal anak-anak dalam penglibatan pornografi. Terdapat empat bentuk kawalan sosial tidak formal yang terdiri daripada empat jenis bentuk iaitu kawalan sosial informal berbentuk positif (ganjaran), kawalan sosial berbentuk negatif (hukuman), kawalan sosial berbentuk secara langsung mentakrif semula norma) dan kawalan sosial informal (pujukan).

JADUAL 7: Kawalan Sosial Tidak Formal (Bentuk Positif) - Ganjaran

<b>Saya memberi ganjaran sekiranya anak saya lebih memilih untuk menonton rancangan berilmiah berbanding menonton video porno.</b>		
Skala	Kekurangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	20	16.7
Tidak Setuju	43	25.8
Tidak Pasti	22	18.3
Setuju	15	12.5
Sangat Setuju	20	16.7
Jumlah (N)	120	100

  

<b>Saya akan membelanja makanan kepada anak saya sekiranya anak bersikap jujur tentang ajakan rakan-rakan untuk terlibat dalam pornografi.</b>		
Skala	Kekurangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	36	30.0
Tidak Setuju	40	33.3
Tidak Pasti	5	4.2
Setuju	21	17.5
Sangat Setuju	18	15
Jumlah (N)	120	100

Sumber: Kajian Lapangan, 2022.

Jadual 7 menunjukkan respon ibu bapa mengenai kawalan sosial tidak formal (bentuk positif) iaitu ganjaran. Hasil kutipan data menunjukkan 25.8% ibu bapa tidak setuju dengan pernyataan “Saya memberi ganjaran sekiranya anak saya lebih memilih untuk menonton rancangan berilmiah berbanding menonton video porno”. Hanya segelintir ibu bapa iaitu 16.7% ibu bapa yang memberi ganjaran kepada anak-anak sekiranya anak menonton rancangan berilmiah berbanding menonton porno. Seterusnya, bagi pernyataan “Saya akan membelanja makanan kepada anak saya sekiranya anak bersikap jujur tentang ajakan rakan-rakan untuk terlibat dalam pornografi.” Seramai 40 orang responden bersamaan 33.3% juga tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Manakala sebilangan kecil ibu bapa iaitu kira-kira 15% sahaja. Hal ini boleh dikaitkan kerana ibu bapa di Kampung Pendaras kurang memberikan ganjaran terhadap langkah-langkah positif anak-anak lakukan dalam ketidakterlibatan dalam pornografi.

JADUAL 8: Kawalan Sosial Tidak Formal (Bentuk Negatif) - Hukuman

<b>Saya akan memukul anak saya sekiranya anak saya menyimpan majalah-majalah lucah.</b>		
Skala	Kekurangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	26	21.7
Tidak Setuju	21	17.5
Tidak Pasti	20	16.7
Setuju	21	17.5
Sangat Setuju	32	26.6
Jumlah (N)	120	100

  

<b>Saya akan mengambil peranti elektronik anak saya seperti tablet, telefon atau komputer riba sekiranya saya mendapati terdapat sejarah carian (<i>search history</i>) berkenaan laman web atau gambar lucah.</b>		
Skala	Kekurangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	13	10.8
Tidak Setuju	18	15
Tidak Pasti	8	6.7
Setuju	39	32.5
Sangat Setuju	42	35
Jumlah (N)	120	100

Sumber: Kajian Lapangan, 2022.

Jadual 8 menunjukkan dua pernyataan bagi jenis kawalan sosial tidak formal (bentuk negatif) iaitu hukuman. Berdasarkan pernyataan “Saya akan memukul

*anak saya sekiranya anak saya menyimpan majalah-majalah lucah.”*, sebanyak 26.6% responden menyatakan sangat setuju dan hanya 17.5% sahaja ibu bapa menyatakan tidak setuju. Bagi pernyataan kedua iaitu *“Saya akan mengambil peranti elektronik anak saya seperti tablet, telefon atau komputer riba sekiranya saya mendapati terdapat sejarah carian (search history) berkenaan laman web atau gambar lucah.”*, sebanyak 35% ibu bapa yang sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Manakala, minoriti ibu bapa iaitu hanya 10.8% sahaja yang tidak bersetuju dengan kaedah mengambil peranti elektronik sebagai satu kawalan kepada anak-anak. Berdasarkan dua pernyataan ini, dapat dilihat bahawa ibu bapa lebih memilih pendekatan hukuman di atas kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak iaitu melibatkan diri dalam pornografi dan hanya segelintir kecil sahaja yang tidak menyukai pendekatan ini.

JADUAL 9: Kawalan Sosial Tidak Formal (Bentuk Tidak Langsung) - Pujukan

<b>Saya melarang anak saya untuk menonton atau menyimpan bahan-bahan pornografi secara fizikal (majalah/ CD) atau secara maya (laman web) .</b>		
<b>Skala</b>	<b>Kekelapangan (Orang)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Sangat Tidak Setuju	2	1.7
Tidak Setuju	18	15
Tidak Pasti	17	14.2
Setuju	22	18.3
Sangat Setuju	61	50.8
Jumlah (N)	120	100
<b>Saya akan memujuk anak saya untuk sentiasa menonton video-video kerohanian dan meninggalkan pornografi.</b>		
<b>Skala</b>	<b>Kekelapangan (Orang)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Sangat Tidak Setuju	10	8.3
Tidak Setuju	12	10
Tidak Pasti	20	16.7
Setuju	22	18.3
Sangat Setuju	56	46.7
Jumlah (N)	120	100

Sumber: Kajian Lapangan, 2022.

Jadual 9 menunjukkan dua pernyataan berkenaan kawalan sosial tidak formal (bentuk tidak langsung) iaitu pujukan. Bagi pernyataan pertama iaitu *“Saya melarang anak saya untuk menonton atau menyimpan bahan-bahan pornografi secara fizikal (majalah/ CD) atau secara maya (laman web)”*, sebanyak 50.8% ibu bapa yang memilih sangat setuju bagi pernyataan ini. Tiada ibu bapa yang memilih tidak pasti, tidak setuju mahupun sangat tidak setuju bagi pernyataan ini. Seterusnya, bagi pernyataan kedua iaitu *“Saya akan memujuk anak saya untuk sentiasa menonton video-video kerohanian dan meninggalkan pornografi.”*, juga tiada ibu bapa yang memilih Tidak Pasti, Tidak Setuju atau Sangat Tidak Setuju. Sebaliknya majoriti ibu bapa sangat setuju dan setuju dengan pernyataan ini iaitu masing-masing sebanyak 46.7% (56 orang) dan 18.3% (22 orang). Hasil dapatan ini menunjukkan majoriti ibu bapa menggunakan pendekatan kawalan sosial tidak formal berbentuk tidak langsung iaitu pujukan sebagai suatu kawalan kepada anak-anak untuk tidak terlibat dalam pornografi.

JADUAL 10: Kawalan Sosial Tidak Formal (Bentuk Langsung) – Mentakrif Semula Norma

<b>Saya akan menggalakkan anak-anak untuk menonton video atau rancangan televisyen yang baik seperti ceramah agama dan motivasi.</b>		
Skala	Kekerapan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	18	15
Tidak Setuju	21	17.5
Tidak Pasti	5	4.2
Setuju	40	33.3
Sangat Setuju	36	30.0
Jumlah (N)	120	100

  

<b>Saya akan menghantar anak-anak saya ke kem motivasi untuk membentuk motivasi diri yang lebih baik.</b>		
Skala	Kekerapan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	0	0
Tidak Pasti	0	0
Setuju	24	20
Sangat Setuju	96	80
Jumlah (N)	120	100

Sumber: Kajian Lapangan, 2022.

Jadual 10 menunjukkan kawalan sosial tidak formal (berbentuk langsung) iaitu mentakrif semula norma. Bagi pernyataan pertama iaitu “*Saya akan menggalakkan anak-anak untuk menonton video atau rancangan televisyen yang baik seperti ceramah agama dan motivasi.*”, sebanyak 30% ibu bapa yang memilih sangat setuju bagi pernyataan ini. Seterusnya, bagi pernyataan kedua iaitu “*Saya akan tiada ibu bapa yang memilih Tidak Pasti, Tidak Setuju atau Sangat Tidak Setuju.*” Sebaliknya majoriti ibu bapa sangat setuju dan setuju dengan pernyataan ini iaitu masing-masing sebanyak 80% (96 orang) dan 20% (24 orang). Hasil dapatan ini menunjukkan majoriti ibu bapa menggunakan pendekatan kawalan sosial tidak formal berbentuk langsung iaitu mentakrif semula norma sebagai suatu kawalan kepada anak-anak untuk tidak terlibat dalam pornografi.

#### **4.4 Perbincangan**

Kajian ini meneliti tahap pengetahuan ibu bapa dan bentuk kawalan sosial yang digunakan dalam mengawal anak-anak daripada penglibatan pornografi. Berdasarkan hasil kajian yang telah dibuat oleh Alan (2020), definisi yang lebih jelas adalah ‘*sexually explicit content intended to arouse*’ ataupun lebih mudah difahami sebagai kandungan seksual eksplisit bertujuan untuk membangkitkan semangat (kegairahan). Menurut Azrina (2021), aktiviti pornografi yang berlaku di negara Malaysia tidak hanya melibatkan golongan dewasa, malah melibatkan golongan remaja yang merupakan individu yang diharapkan menjadi pelapis kepimpinan negara pada masa akan datang.

Ahli antropologi melihat proses sosialisasi sebagai proses pembudayaan manakala ahli sosiologi melihat proses sosialisasi sebagai proses mempelajari dan memperolehi norma-norma sosial. Dalam proses mempelajari tingkah laku peranan yang sesuai, manusia menghayati norma dan nilai masyarakat sehingga sampai kepada satu tahap norma dan nilai masyarakat tersebut menjadi norma dan nilainya sendiri. Itulah sosialisasi dimana seseorang mempelajari dan akhirnya percaya dan melakukan norma dan nilai tersebut dan dizahirkan melalui tingkah laku, kata-kata dan kepercayaan.

Ibu bapa sememangnya perlu memainkan peranan penting dalam melakukan kawalan sosial kepada anak-anak khususnya bagi mengawal tingkah laku delinkuens seperti terlibat dalam pornografi. Pengetahuan adalah aspek penting bagi memastikan ibu bapa mempunyai gambaran dan kesedaran untuk melakukan kawalan sosial informal kepada anak-anak. Hasil kajian menjelaskan ibu bapa mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dari segi pengetahuan umum dan impak pornografi namun mempunyai

pengetahuan yang rendah dari aspek yang mendalam seperti kekerapan dan masa menonton pornografi.

Jika diteliti, ibu bapa sememangnya melakukan keempat-empat bentuk kawalan sosial tidak formal yang telah disarankan oleh Crosbie 1975. Menurut Noran Fauziah Yaakob (1991) dalam bukunya iaitu Pengantar Sosiologi menyatakan terdapat empat jenis asas bagi kawalan sosial tidak formal yang telah dicadangkan oleh Crosbie (1975) iaitu:

1. Penggunaan ganjaran sosial adalah bertujuan untuk menggalakkan ahli-ahli dalam sebuah kelompok supaya akur kepada norma dan nilai kelompok. Ganjaran ini mungkin dalam bentuk persetujuan kelompok ataupun ia boleh wujud dalam bentuk yang lebih konkrit seperti naik pangkat.
2. Kawalan negatif adalah berbentuk hukuman, seperti pemulauan, pengasingan, kritikan atau ancaman fizikal.
3. Pujukan, yang bertujuan untuk menyedarkan seseorang, bahawa dia telah melencong dan perlu kembali ke pangkal jalan.
4. Mentakrif semula norma yang sedia ada. Kawalan tidak formal yang keempat ini digunakan sekiranya ketiga-tiga kawalan sosial di atas tidak berkesan.

Kawalan sosial tidak formal diukur dari segi keibubapaan terhadap anak-anak mereka terutamanya dalam kegiatan pornografi. Anak-anak umumnya belajar tentang peraturan di rumah, dan akhirnya peraturan-peraturan tadi membentuk nilai dan norma dalam diri anak-anak. Maka, kawalan sosial tidak formal ini amat penting dan perlu dititikberatkan oleh ibu bapa. Kajian ini akan melihat daripada perspektif ibu bapa tentang bagaimanakah ibu bapa menggunakan kawalan sosial kepada anak-anak dalam mengelakkan mereka bergiat dalam aktiviti pornografi. Peraturan amat penting bagi membentuk sahsiah dan memastikan anak-anak sentiasa berada pada landasan yang betul mengikut norma dan nilai yang betul. Maka, dapat dilihat kawalan sosial oleh ibu bapa dalam mengekang penglibatan anak-anak dalam pornografi adalah penting dan wajib dilakukan.

Hasil kajian menunjukkan ibu bapa melakukan keempat-empat jenis kawalan sosial tidak formal bagi mengawal anak-anak mereka. Bentuk kawalan sosial tidak formal yang paling digunakan oleh ibu bapa adalah bentuk kawalan sosial informal berbentuk langsung iaitu mentakrif semula norma dan bentuk kawalaan sosial tidak langsung iaitu pujukan. Fatimah Daud (1992) menyatakan bahawa kebanyakan agen sosialisasi lebih memilih untuk menggunakan kawalan sosial informal jenis hukuman kerana ia memberikan kesan jangka panjang yang membolehkan pelaku delinkuens lebih menyesal dan tidak mengulangi kesilapan yang dilakukan. Namun, kajian ini membuktikan bahawa ibu bapa pada zaman sekarang menggunakan kedua-dua pendekatan langsung dan tidak langsung dalam memastikan anak-anak menjalani resosialisasi yang baik iaitu meninggalkan tingkah laku delinkuens yang dilakukan.

## **5. Kesimpulan dan Cadangan**

Konklusinya, kajian ini telahpun berjaya mencapai objektif yang ditetapkan iaitu mengenalpasti tahap pengetahuan ibu bapa mengenai penglibatan anak-anak dalam pornografi, kemudiannya mengenalpasti bentuk kawalan sosial tidak formal yang digunakan oleh ibu bapa dalam mengawal anak-anak daripada penglibatan pornografi dan akhir sekali menganalisis hubungan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan bentuk kawalan sosial yang dipilih oleh ibu bapa dalam mengawal anak-anak daripada penglibatan pornografi. Kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan ibu bapa secara keseluruhannya adalah pada tahap yang sederhana. Namun, ibu bapa mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi mengenai aspek umum bahawa anak mereka terlibat dalam

pornografi serta punca penglibatan anak-anak mereka dalam tetapi ibu bapa mempunyai pengetahuan yang rendah mengenai aspek-aspek lain seperti masa menonton pornografi, kekerapan menonton pornografi, serta platform menonton pornografi. Seterusnya dapatan kajian menunjukkan, ibu bapa lebih menggunakan tiga jenis kawalan sosial informal seperti yang telah dikategorisasikan oleh Crosbie (1975) iaitu kawalan sosial informal (berbentuk negatif) iaitu hukuman, kawalan sosial informal berbentuk tidak langsung (pujukan) dan kawalan sosial informal berbentuk langsung (mentakrif semula norma). Namun, ibu bapa kurang menggunakan kawalan sosial informal berbentuk positif iaitu ganjaran dalam mengawal anak mereka daripada penglibatan pornografi. Kesimpulannya, pengkaji dapat melihat bahawa ibu bapa masih kurang pengetahuan dalam penglibatan anak-anak dalam pornografi namun masih melakukan kawalan sosial sekiranya anak-anak tertangkap melakukan tingkah laku delinkuens itu. Dengan ini pengkaji mengemukakan beberapa cadangan untuk menambahbaikkan permasalahan yang berlaku. Pertama adalah kerajaan perlu memperbanyakkan kempen-kempen keibubapaan secara percuma bagi mendedahkan ibu bapa terhadap masalah-masalah sosial ataupun tingkah-tingkah laku delinkuens yang boleh dilakukan oleh anak-anak khususnya pada peringkat remaja. Pada masa akan datang, pengkaji mengharapkan ada kajian yang boleh mengupas hal ini dari segi penganalisan terhadap tahap pendidikan ibu bapa dan kaitannya dengan bentuk kawalan sosial yang dipilih. Hal ini akan membantu pihak berautoriti untuk mendiskripsikan lebih jelas sejauhmana tahap pendidikan ibu bapa menentukan tahap kawalan atau bentuk kawalan sosial informal yang digunakan.

## Rujukan

- Alan M., Paul B., Katerina L. & Roper I. (2020). An Interdisciplinary Definition Of Pornography: Results From Global Delphi Panel. *SPRINGER*. 49:1085-1091.
- Fatimah D. (1992). *Pengenalan Teori-teori Sosiologi*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Galih H. & Nurliana C. A. (2020). *Pornografi Dalam Kalangan Remaja*. Prosiding Penelitian Dan Pengabdian Kepada Masyarakat. 7(1):136-143.
- Joan F. (2010). *Seeing Sociology: An Introduction*. Canada: Northern Kentucky University.
- Luluk N. N. (2018). Parent Role On Pornography Addiction In Children. International Conference On Psychology In Health, Educational, Social And Organization Settings. 441-449.
- Michael F. (2007). Exposure To Pornography Among Youth In Australia. *Journal Of Sociology*. 43(1):45-60.
- Azrina N., Tengku M. T. A. R., Nik N. A. Ab. A., Nur K. K., Naajhudin L. & Nurhidayah H. (2021). Pornografi Dalam Kalangan Remaja Generasi Z Menurut Perspektif Islam. *OnlineJurnal: Research In Islamic Studies*. 8(2):67-78.
- Noran F. Y. (1984). *Pengantar Sosiologi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rumyeni & Evawani E. L. (2013). Remaja Dan Pornografi: Paparan Pornografi Dan Media Massa Dan Pengaruhnya Terhadap Perilaku Siswa Pada Sekolah Menengah Pertama (SMP) Negeri 25 Kota Pekanbaru. *Jurnal Charta Humanika*. 1(1):181-200.
- Zakiah J. & Ismail K. (2004). *Ikatan Dan Kawalan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Delinkuens*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.